

Malaysia Alu-Alukan Persetujuan Antara Sudan Dan Sudan Selatan Mengenai Pengangkutan Minyak
Bername
12 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia mengalu-alukan persetujuan yang dicapai baru-baru ini antara Sudan dan Sudan Selatan berhubung bayaran pengangkutan minyak antara kedua buah negara tersebut.

Malaysia percaya bahawa kejayaan ini akan menjurus ke arah hubungan dua hala yang lebih baik di antara Sudan dan Sudan Selatan.

"Adalah penting isu ini diselesaikan secara damai dan Malaysia menggalakkan kedua-dua pihak menggunakan momentum yang telah dibina untuk terus maju ke hadapan," menurut Kementerian Luar dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, Malaysia memuji komitmen kedua-dua Presiden Sudan Omar Hassan Ahmed al-Bashir dan Presiden Sudan Selatan Salva Kiir Mayardit di atas usaha gigih mereka untuk mencapai persefahaman ini.

Malaysia juga berharap agar kedua-dua negara akan meneruskan rundingan melalui Kesatuan Afrika untuk mencari penyelesaian bersama mengenai isu-isu yang berbangkit daripada pemisahan kedua buah negara tersebut.

Malaysia percaya bahawa perkembangan positif ini akan membuka jalan ke arah keamanan dan kestabilan yang berkekalan.

Sudan adalah antara 30 negara di mana syarikat petroleum negara Petroliam Nasional Berhad (Petronas) menjalankan aktiviti eksplorasi minyak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687503>

